

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Phillipines



Hanseo University
Korea



كلية التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

: Syahrini Shawalludin

: Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim

Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan

Juaini Jamalludin

Syahrini Shawalludin

Siti Fairuz Ibrahim

Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)

Percetakan-Offset-Digital-Penjilid

5-3-18, The Promenade,

Permaisuri Mahsuri,

11950, Bayan Baru,

Pulau Pinang, Malaysia

sinaranbros.digital@gmail.com

Salmah Ali

Please! Tell Us What's Inside your Mind



SALMAH ALI

Please! Tell Us what's Inside your Mind

Pen Hitam dan Kertas
42 cm x 59.4 cm



"Please! Tell Us what's Inside your Mind"

merupakan karya saya yang dihasilkan melalui coretan atau lebih dikenali sebagai "doodle" dengan menggunakan media pen hitam basah dan kertas lukisan bersaiz A2.

Saya menghasilkan karya ini yang menggunakan pelbagai garisan, rupa dan jalinan yang digabungkan untuk membentuk sebuah gambaran. Imej utama yang saya pilih merupakan sebahagian bentuk muka wanita iaitu saya sendiri. Saya memilih sepasang mata kerana untuk kita membaca fikiran insan lain bukanlah sesuatu yang mudah apatah lagi memahami tingkah laku seseorang.

Namun terdapat satu bahasa tubuh yang sangat mudah dilihat dan paling berkesan ialah dari pandangan mata. Memang selalu kita dengar pepatah lama menyatakan "mata adalah jendela hati" atau "dari mata turun ke hati", sememangnya benar mata kita merupakan pintu kepada sebuah kejujuran hati, walaupun kita dalam ketakutan, berbohong atau sebagainya. Anggota yang paling cepat memberi reaksi adalah mata.

Dipengaruhi dengan cerita-cerita rakyat semasa kecil serta walt Disney sehingga kini, keterujaan memilih tema "Enchanted Forest", saya menggambarkan hutan yang sangat misteri dan dalam masa yang sama sangat mempersonakan. Keadaan hutan yang dilukiskan adalah dalam situasi tunggang terbalik atau "Up Side Down". Jika diteliti akan terdapat banyak makhluk-makhluk misteri, kecil dan comel, mereka menggambarkan dalam diri kita yang sering kali berperang dengan

emosi dan reality kehidupan. Dibahagian kiri karya kelihatan sejenis makhluk misteri sedang menyentuh kepala dan menyalurkan kekuatannya seolah-olah ingin memenangkan fikiran dengan membayangkan kehidupan yang romantik (sepasang burung di bawah naungan cahaya bulan).

Namun setiap kehidupan ada dugaan serta cabaran, yang mana digambarkan dengan seekor kucing yang dalam percubaan menganggu ketenteraman pasangan burung tersebut. Jika diteliti di bahagian bawah kaki makhluk tersebut ada satu lagi makhluk misteri yang memberinya kekuatan, walaupun kita nampak sesuatu itu kecil namun kadang kala kita alpa yang kita anggap remeh atau kecil sebenarnya itulah yang paling bererti dalam kehidupan kita.

Seperti ucapan terima kasih, maafkan saya dan sebagainya. Bahagian atasnya saya gambarkan bulan dan bintang yang berkelipan dimalam hari, ianya sangat menenangkan hati dan perasaan. Saya memilih bentuk bulat adalah kerana bulat adalah bentuk yang paling stabil yakni dimanapun kita letak ia akan tetap berdiri dan tetap terus bergerak kemana sahaja arah yang diinginnya. Begitu juga dengan hidup kita jangan mudah menyerah kalah kerana setiap yang berlaku adalah dengan izinNya dan sebaik-baik perancang adalah dariNya. Rama-rama diluar bulatan menggambarkan Selepas semua dugaan dan kesusahan yang berlaku yakinlah kita akan menemukan sesuatu yang indah dalam semua perkara.

Yakin yang Allah itu Ada dan DIA sentiasa ada untuk diri kita walaupun disaat kita tiada masa untuknya. Oleh itu kita hendaklah sentiasa bersyukur dengan setiap kita miliki sekarang.

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1

9 7 8 9 6 7 2 9 4 8 1 3 1



Cawangan Kedah
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Galeri
seni merbok